



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

2 Sep2021 (Thursday)

Berita Harian

26 peratus kawasan terjejas sudah pulih 1

Utusan Malaysia

Bekalan air pulih malam esok 2

Datuk berdepan penjara 483 tahun 3

Penduduk resah, masalah bekalan air terus berlaku 4

Kubur sepi: Ramai tidak tahu kebenaran ziarah 5

Bonceng lebih 285km kibar Jalur Gemilang 6

Harian Metro

'Syukur gangguan bekalan air tak lama' 7

Kosmo

Datuk berdepan penjara 483 tahun 8

Penduduk sudah tadah air awal awal 9

Pameran seni suntik semangat patriotisme 10

Sinar Harian

Keputusan nyah warta HSKLU lalui proses teliti 11

'Kerajaan negeri tidak sensitif' 12

Perlembagaan Persekutuan boleh halang nyah warta 13

UMNO Selangor kecewa keputusan kerajaan negeri 14

Bekalan air pulih secara berperingkat 15

Pelepasan efluen punca pencemaran 16

Astro Awani

MB Beri Jaminan Proses Penyahwartaan HSKLU Ditangguhkan 17

Berita Harian Online

Gangguan air di Selangor, Putrajaya pulih sepenuhnya 18

26 peratus bekalan air terjejas sudah pulih 19

Bekalan air pulih di 66 peratus kawasan 20

JAS siasat kilang di lembangan Sungai Semenyih 21

Penduduk terpaksa beli air untuk kegunaan harian 22

KOSMO Online

'Kami hanya mandi kerbau' 23

Bekalan air Lembah Klang pulih sepenuhnya 24

Bekalan air pulih 52 peratus 25

Buang efluen ketika hujan lebat, air tinggi 26

Penyahwartaan HSKLU bersyarat 27

Petaling, Kuala Langat masih sifar pemulihan bekalan air 28

Tiga daerah catat lebih 80 peratus pemulihan bekalan air 29

Malaysiakini Online

Gangguan air di Selangor, Putrajaya dijangka pulih sepenuhnya Jumaat 30

Lima putera raja ajak rakyat hayati pengertian merdeka 31

PSM saran undi tidak percaya ke atas MB Selangor 32



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



myMetro On-line

Bekalan air pulih sepenuhnya pagi ini	33
Ada pihak cemarkan Sungai Semenyih dengan bahan kimia	34
Lega bekalan air kembali pulih	35
Makanan tak laku, Shima tak terasa hati	36

Nasional FM (87.7)

Pencemaran Berpunca Dari Pihak Tidak Bertanggungjawab	37
---	----

Selangor TV

Sempena Hari Kebangsaan, Dun Sungai Ramal Lakukan Sanitasi Rumah Ke Rumah	38
---	----

Sinar Harian Online

Bekalan air di 463 kawasan pulih sepenuhnya	39
Penyahwartaan HSKLU ditangguh hingga isu berbangkit selesai	40
AYATFB:Pelepasan efluen punca pencemaran LRA Sungai Semenyih	41
Gangguan bekalan air pulih 52 peratus	42
Gangguan bekalan air pulih 74 peratus	43
Guna peruntukan perlembagaan selesai nyah warta HSKKLU	44
Keputusan nyah warta HSKLU lalui proses teliti	45
Kerajaan Selangor tidak sensitif isu HSKKLU: Rizam	46
Lima putera raja ajak rakyat hayati pengertian merdeka	47
Pemulihan bekalan air capai tahap 26 peratus	48
Selangor perlu beri penjelasan isu HSKLU	49
UMNO Selangor kecewa keputusan nyah warta HSKKLU	50

Utusan Malaysia Online

463 kawasan terjejas terima bekalan air sepenuhnya	51
Kubur sepi: ramai tidak tahu kebenaran ziarah	52
Ahli perniagaan bergelar Datuk didakwa atas 69 pertuduhan palsu dokumen tipu JKR	53
Bekalan air Lembah Klang pulih 52 peratus	54
Bekalan air pulih sepenuhnya Jumaat ini	55
Bekalan air semakin pulih, capai 66 peratus	56
Efluen dilepaskan ketika air sungai tinggi – LUAS	57
Gangguan bekalan air di 463 kawasan di Lembah Klang makin pulih	58
Hutan simpan: Selangor kemuka syarat kepada Gabungan Indah	59
Lima putera raja seru rakyat bersatu perangi Covid-19	60
Pemulihan bekalan air di 463 kawasan terjejas capai tahap 26 peratus	61
Pemulihan bekalan air Lembah Klang capai 26 peratus	62
Tidak mahu gangguan bekalan air berlaku lagi – Jalaluddi	63

The Star

PARK REOPENING	64
TRAFFIC MATTERS	65
'Spare us the hardship, please'	66
Serving aid to flood victims	67
Pharmacists in the pandemic	68

New Straits Times

WATER SUPPLY FULLY RESTORED BY TOMORROW	69
---	----

The Sun

Appreciate true meaning of independence: Crown princes	70
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Hitting the ground while aiming for the sky	71
WATER SUPPLY TO BE FULLY RESTORED BY TOMORROW	72
BFM89.9	
Selangor Forestry Department Claims State Government Had Exercise Due Diligent	73
Selangor Forestry Department Claims State Government Had Exercise Due Diligent	74
Malaysiakini Online	
After PKR meet, Selangor MB agrees to delay Kuala Langat degazettement	75
YOURSAY Kuala Langat forest de-gazettement: Who's to blame?	76
MP SPEAKS Air Selangor should defer proposed Sg Rasau water supply scheme	77
Selangor water woes: Possible discharge by irresponsible parties in Sg Semenyih	78
Water disruption: Supply to be fully restored on Friday - Air S'gor	79
The Edge CEO Morning Brief	
MITI: Interim measures on metal scrap importation guidelines extended to Oct 31	80
The Malay Mail Online	
Air Selangor says water supply back in Petaling, Hulu Langat, Sepang, Putrajaya and Kuala Langat	81
Air Selangor: Water supply to Selangor, Putrajaya to be fully restored on Friday	82
Ex-members of national water service commission urge protection of Kuala Langat forest for water security	83
Selangor MB postpones degazettement of Kuala Langat North Forest Reserve, says PKR's Fahmi Fadzil	84
The Malaysian Reserve	
C4 Centre: Degazetting Kuala Langat forest reserve violates regulations	85
Guidelines of importation and inspection of metal scrap extended to Oct 31	86
The Star Online	
'Spare us the hardship, please'	87
Degazettement of Kuala Langat North Forest Reserve postponed, says Fahmi Fadzil	88
Air Selangor should defer proposed Sg Rasau water supply scheme and prioritise capital investment	89
Plans to degazette forest reserve unacceptable, says Selangor MCA	90
Selangor govt urged to stop plans to degazette Kuala Langat North Forest Reserve	91
Sg Semenyih pollution: Authorities to conduct joint inspection of possible culprits' premises	92
Water supply in Selangor being restored in stages	93
TV3	
EXCO : Irresponsible Discharge Could Be Cause of Sg Semenyih Water Pollution	94
China Press	
Hee Loy Sian: 2 taman river section build river wall to avoid river water flood into resident areas	95
Former SPAN members, Charles have condemned the Selangor state government's decision to degazette forest reserves, Petition against the decision	96
Sin Chew Daily	
Gunarajah appointed by Selangor MB as Community Liaison Coordinator	97
Selangor donates RM100k to Kedah to help Jerai disaster victims	98
No negotiations with polluters of nature; Selangor MB orders to investigate source of Almost	99



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



15 days after reopening, hawkers dare not take risks; Pasar awam Klang;s stalls and crowd halvedp100ollution	
Zebra lines added, road bumps built, and yellow grids drawn at SJKC Taman Connaught gates B and C	101
Nanyang Siang Pau	
MPK Chairman: Get rid of red zone labels, shop suspensions and face charges for SOP violations	102
Selangor govt vows to find culprits as river pollution reoccurs	103
1 year to collect opinions for study and withdraw the forest reserve according to the procedure	104
Guang Ming Daily	
Assistance to Gunung Jerai disaster victims; Selangor donated RM100k to the Kedah government.	105
Customers halved compared to before the pandemic; Klang hawkers sigh livelihood is difficulty to find.	106
Makkal Osai	
Dr Gunaraj appointed as Selangor MB's special officer	107
Malaysia Nanban	
G Gunaraj is Selangor MBs special officer	108



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	26 peratus kawasan terjejas sudah pulih
Muka Surat	:	19

Pencemaran bau di Sungai Semenyih

26 peratus kawasan terjejas sudah pulih



Penduduk Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan mengisi air dari lori tangki yang disediakan oleh syarikat Pengurusan Air Selangor, semalam. (Foto BERNAMA)

Tempoh pemulihan tertakluk lokasi, jarak premis pengguna

Oleh Nor Aziah Mokhtar dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemulihan bekalan air di 463 kawasan terjejas akibat henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, sehingga tengah hari semalam, mencapai 26 peratus.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata bagi pecahan peratusan pemulihan air mengikut wilayah, Hulu Langat mencatatkan kira-kira 61 peratus, Sepang (43 peratus) dan Putrajaya (17 peratus).

Katanya, Petaling dan Kuala Langat belum mencatatkan pemulihan.

"Tempoh pemulihan bekalan air berbeza mengikut kawasan kerana tertakluk kepada lokasi dan jarak premis pengguna.

"Bekalan air di semua 463 kawasan yang terjejas akan diterima secara berperingkat dan dijangka pulih sepenuhnya pada tengah malam, Jumaat (esok)," katanya di sini, semalam.

Sebanyak 463 kawasan di lima daerah di Selangor mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas LRA Sungai Semenyih dihentikan tugas akibat pencemaran bau yang dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hillir, kelmarin. Pencemaran dikesan jam 11.10



Elina Baseri



Nor Aziah Jaafar

pagi itu menjejaskan bekalan air di 172 kawasan di Petaling, manakala Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

Elina berkata, bantuan bekalan air alternatif melalui lori tangki air terus digerakkan kepada pengguna dan premis kritikal di kawasan yang terjejas sepanjang gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor menjalankan siasatan punca pencemaran bau di Sungai Semenyih sehingga menyebabkan berlaku gangguan bekalan air.

Pengarahnya, Nor Aziah Jaafar, berkata-siasatan dijalankan kelmarin dan semalam dengan memfokuskan ke atas kilang-kilang yang beroperasi di lembangan Sungai Semenyih.



Penduduk Flat Angsana USJ 1 menerima sumbangan air minuman daripada syarikat Air Selangor, di Subang Jaya, semalam. (foto Aziah Azmee/BH)

"Melalui sampel air yang diambil JAS Selangor daripada sumber air mentah di Muka Sauk Jenderam Hillir, semalam terdapat ciri-ciri kimia seakan-akan bahan pelarut dalam sampel air berkenaan.

"Siasatan dan pemeriksaan oleh JAS Selangor dilakukan secara bersasar ke atas kilang-kilang yang dikenal pasti menggunakan

bahan pelarut dalam proses pengilangan," katanya semalam.

Nor Aziah berkata, siasatan masih berjalan dan akan diteruskan dalam usaha kita mencari dan memastikan punca sebenar pencemaran bau yang berlaku itu.

"Proses siasatan akan mengambil masa beberapa hari kerana kita perlu menjalankan siasatan secara teliti ke atas kilang," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekalan air pulih malam esok
Muka Surat	:	7

Bekalan air pulih malam esok



Bantuan air

PENDUDUK Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan menyediakan beberapa baldi untuk mengambil air dari lori tangki yang disediakan Air Selangor berikutan masalah gangguan bekalan yang masih belum pulih di beberapa kawasan di Selangor, semalam. - **UTUSAN/AMIR KHALID**
(Berita penuh di muka 7)

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**
 @www.utusan.com.my

SHAH ALAM. Gangguan bekalan air di semua 463 kawasan terjejas di Lembah Klang dijangka pulih sepenuhnya Jumaat ini.

Bekalan air bersih dan selamat mula disalurkan secara berperingkat di kawasan terjejas pada pukul 7 pagi semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan pihaknya sedang berusaha menstabilkan sistem agihan bekalan di seluruh kawasan terjejas.

"Bekalan air di 463 kawasan itu akan diterima secara berperingkat dan dijangka pulih sepenuhnya pada pukul 12 tengah Jumaat ini.

"Pengguna boleh merujuk Jadual Pelan Pemulihan terperinci di www.airselangor.com, atau 'Instagram listastory' & 'Facebook Story', katanya dalam kenyataan semalam.

Air Selangor turut menjalankan ujian kualiti air yang mematuhi piawaian ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sudah disahkan selamat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk diagihkan kepada pengguna," katanya.



PENDUDUK Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan mengambil bekalan air yang disediakan oleh Air Selangor ekoran gangguan bekalan air di 463 kawasan di Lembah Klang, semalam. - **UTUSAN/AMIR KHALID**

Tambah kenyataan itu, bantuan bekalan air alternatif turut akan terus digerakkan kepada pengguna dan premis kritikal yang terlibat.

"Sebanyak 94 lori tangki air telah digerakkan ke kawasan terjejas sepanjang gangguan

bekalan air tidak berjadual ini. "Orang ramai diminta mematuhi penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka ketika mendapatkan bekalan air tersebut," katanya.

Semalam, LRA Sungai Semenyih di Stesen Pam Air Mentah

Jenderam Hilir terpaksa dibentengi tugas akibat pencemaran bau pada pukul 12 tengah hari kelmarin. Keadaan itu mengakibatkan sebanyak 463 kawasan di lima wilayah di Lembah Klang dijangka mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Datuk berdepan penjara 483 tahun
Muka Surat	:	13

Datuk berdepan penjara 483 tahun

Oleh **NORHAYATI YAHAYA**
 utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk berdepan dengan penjara sehingga 483 tahun apabila didakwa melakukan 69 pertuduhan memalsukan pelbagai dokumen bagi tujuan menipu Jabatan Kerja Raya (JKR) antara Jun 2019 sehingga September 2020.

Tertuduh, Adly Kamarudin, 47, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini selepas kesemua pertuduhan dibacakan selama lebih satu jam bermula pukul 10.20 pagi di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Berdasarkan kesemua pertuduhan, Adly didakwa melakukan persubahatan dengan mengarahkan seramai lapan individu untuk memalsukan 60 dokumen pelbagai projek dengan tujuan menipu JKR.

Kesemua dokumen terbabit termasuk Surat Setuju Terima bertajuk kerja-kerja penyelenggaraan di kampus Sultan Azlan Shah untuk Tetuan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), surat pemberitahuan penerimaan tender Majlis Perbandaran Seremban, Surat Setuju Terima Tender Lembaga Getah Malaysia, Surat Setuju terima Tender Lembaga Lebuhraya Malaysia, Surat Setuju terima Tender Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Su-



ADLY Kamarudin hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam bagi pertuduhan sebanyak 69 kes rasuah. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

rat Arahan Mula Kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Surat Setuju Terima Tender Kementerian Pertahanan, Surat Setuju Terima Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) iaitu membina dan menyiapkan 50 rumah kakitangan.

Dia turut berhadapan pertuduhan mengarahkan bebera-

pa individu untuk memalsukan beberapa dokumen Borang A Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuh buah syarikat iaitu bagi syarikat KSB Global Sdn. Bhd., Syarikat Sekilau Bina Sdn. Bhd., Syarikat Era Utama Sdn. Bhd., Syarikat Utusan Teguh Sdn. Bhd., Syarikat Merak Kayangan

Sdn. Bhd., Lapisan Rezeki Sdn. Bhd. dan Syarikat Teraju Laksana Sdn. Bhd.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Jalan 2/1G, Mutiara Bangi, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat antara Jun 2019 hingga September 2020.

Tertuduh yang turut mempunyai perniagaan pelancongan di Jakarta, Indonesia itu didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 109 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Akram Gharib memaklumkan mahkamah bahawa kesalahan itu tidak boleh dijamin namun tertuduh hanya boleh dibebaskan dengan jaminan atas budi bicara pihak mahkamah.

"Pihak pendakwaan tidak membantah sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara untuk membenarkan tertuduh dijamin dan jika diberikan jaminan, pendakwaan mencadangkan jumlah jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin tempatan selain syarat tambahan melapor diri di pejabat SPRM terdekat sekali dalam sebulan selain menyerahkan

pasport antarabangsa kepada mahkamah," katanya.

Bagaimanapun, peguambela, Md. Yunus Shariff menegaskan pihaknya tidak membantah jumlah jaminan tersebut namun memohon budi bicara mahkamah supaya pasport antarabangsa anak guamnya tidak diserahkan kepada mahkamah kerana sebagai ahli perniagaan, dia perlu ke luar negara jika diperlukan.


"Sejak tangkapan dibuat pada 4 April lalu dan dikenakan tahanan reman sehingga 16 April, anak guam saya telah sempurnakan dan mematuhi arahan kehadiran melapor diri di pejabat SPRM, Kuala Lumpur.

"Kami memohon pertimbangan mahkamah agar pasport antarabangsa tidak diserahkan kerana bila boleh bergerak ke luar negara atas urusan perniagaan, ia akan mendatangkan kesukaran. Cadangan pihak kami akan memberikan akujanji untuk memberitahu pada pihak mahkamah dan salinan kepada pihak pendakwa raya tentang pergerakan ke luar negara jika diperlukan," katanya.

Mahkamah menetapkan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan tertuduh melapor diri di pejabat SPRM terdekat pada minggu pertama setiap bulan.



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk resah, masalah bekalan air terus berlaku
Muka Surat	:	29



MOHD. Ridzuan Ondar menadah air tangki yang semakin berkurangan di rumahnya di Taman Topaz, Sepang. - UTUSAN/NUR SHARIEZA ISMAIL

Penduduk resah, masalah bekalan air terus berlaku

SEPANG: Penduduk daerah ini resah dan berdepan kesukaran dalam menjalani aktiviti harian berikutan bekalan air yang terputus sejak semalam ekoran pencemaran bau di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir yang mengakibatkan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sg. Semenyih) terpaksa dihenti tugas.

Seorang penduduk di Taman Saujana KLIA, Imran Dahrir, 40, berkata, sebaik sahaja mendapat maklumat tentang gangguan bekalan air itu, dia dan keluarga bersiap sedia membeli tiga kotak air mineral untuk bekalan.

"Kita tidak tahu gangguan bekalan air ini berlarutan sampai bila, jadi lebih baik saya mengambil langkah awal.

"Selain itu, air tadahan pun saya simpan juga guna empat baldi. Mudah-mudahan ia mencukupi untuk kami seisi keluarga sehingga bekalan air kembali ada seperti sedia kala," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dia yang baru sahaja menduduki taman perumahan itu sejak awal tahun ini memberitahu, ini adalah kejadian pertama dihadapinya sejak berpindah ke taman perumahan berkenaan.

"Risau juga sebab tidak pernah mengalami gangguan air seperti ini. Bekalan air memang penting kerana jika tiada memang menyukarkan keperluan harian kita," katanya.

Bagi, Mohd. Ridzuan Ondar, 39, dia akan terus memantau bekalan air di rumahnya, meman-

dangkan warna air tangki semakin keruh dan bukaan salur air berkurangan.

Dia yang tinggal di pangsapuri Taman Topaz di sini berkata, penduduk di kawasan itu sememangnya bergantung kepada bekalan air tangki dan apabila warna air semakin keruh maknanya air semakin berkurangan.

"Susah juga bila bekalan air tidak ada, tambahan lagi saya ada anak kecil, memang memerlukan air bersih.

"Kalau nak harapkan air penapis memang tidak mencukupi. Jika keadaan ini berpanjangan, terpaksa saya beli air mineral bagi menampung keperluan harian," katanya.

Bagaimanapun, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan bekalan air bersih dan selamat telah mula disalurkan pada pukul 7 pagi ini secara berperingkat-peringkat kepada pengguna di kesemua kawasan yang terjejas.

Menurut kenyataan Air Selangor, ini insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih dan pihaknya telah menjalankan ujian kualiti air dan ia mematuhi piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Air terawat dari LRA Sungai Semenyih juga telah disahkan selamat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk diagihkan kepada pengguna dan Air Selangor sedang berusaha menstabilkan sistem agihan bekalan air di kesemua kawasan-kawasan yang terjejas.



KERATAN AKHBAR 2 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kubur sepi: Ramai tidak tahu kebenaran ziarah
Muka Surat	:	31

Kubur sepi: Ramai tidak tahu kebenaran ziarah

SHAH ALAM: Tidak tahu atau bimbang dijangkiti mungkin jadi alasan tanah perkuburan Islam yang dikhaskan untuk pengkebumian jenazah mangsa Covid-19 masih lengang walaupun kerajaan sudah membenarkan waris ahli keluarga ke tempat berkenaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, Klang dan Seksyen 21 di sini mendapati, tiada kehadiran waris dikesan bagi menziarahi tanah perkuburan ahli keluarga mereka.

Malah, di Seksyen 21, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) belum menanggalkan kain rentang makluman larangan ziarah tanah perkuburan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mungkin, itu juga boleh menjadi faktor tiada ahli keluarga datang ke sana.

Seorang penggali kubur, Norazlan Saiful berkata, tidak ramai orang hadir di Tanah Perkuburan Seksyen 21 sejak Majlis Keselamatan Negara (MKN) tidak membenarkan mereka berbuat demikian sewaktu sambutan Hari Raya Ai-

dilfitri lalu.

“Ada lebih kurang dua atau tiga keluarga sahaja yang datang. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa kerajaan sudah benarkan mereka menziarahi ahli keluarga yang dikebumi di sini,” katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Keselamatan Negara (MKN), Datuk Rodzi Md. Saad memaklumkan, kerajaan hanya melarang menziarahi kawasan tersebut pada musim perayaan seperti semasa Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.



KAIN rentang larangan ziarah kubur masih terpasang di pintu pagar Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di Shah Alam, Selangor turut menjadi faktor tiada kunjungan ahli keluarga. - UTUSAN / ZULFADHLI ZAKI



KERATAN AKHBAR
2 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bonceng lebih 285km kibar Jalur Gemilang
Muka Surat	:	33

Bonceng lebih 285km kibar Jalur Gemilang

Oleh **AMRAN MULUP**

utusannews@mediamulua.com.my

MELAKA: Walaupun menghidap *slipped disc*, seorang isteri, Suria Sukirman, 53, tidak mepedulikan penyakitnya demi membonceng motosikal yang dihiasi Jalur Gemilang bersama suami, Abdul Rahman Abu Bakar, 54.

Sempena dengan sambutan hari Kemerdekaan ke 64 baru-baru ini, pasangan itu menjelajah dari Sungai Besar, Selangor hingga ke Banda Hilir di sini bagi menyatakan rasa syukur mereka atas nikmat merdeka yang dikecapi selama ini.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Suria yang juga pesara Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) berkata, dia tidak mahu terlepas peluang meraikan sambutan merdeka.

Katanya, walau dalam apa keadaan sekalipun itu sudah rutin yang dilakukan mereka sejak tiga tahun lalu.

Sebab itu katanya, walaupun tahun ini baru selesai jalani pembedahan dia tetap bermotosikal bersama isterinya.

"Saya baru menjalani pembedahan awal tahun ini, tetapi tidak menghalang bersama suami bermotosikal sambil mengibarkan bendera sepanjang laluan lebih daripada 285 kilometer (KM).

"Ini rutin kami sejak lebih tiga tahun. Saya dan suami akan men-

jelajah dari Sabak Bernam melalui beberapa daerah di Selangor; Seremban, Port Dickson di Negeri Sembilan. seterusnya Masjid Tanah, berakhir di Banda Hilir, Melaka," katanya.

Semangat ditunjukkan dua sejoli itu bukan setakat menghiasi Jalur Gemilang di motosikal, tetapi lebih menarik mereka turut mengenakan pakaian yang ditempah khas berharga RM150.

Dalam pada itu, Abdul Rahman yang juga bekas pesara tentera berkata, usaha yang dilakukannya dan isteri sebagai tanda cintakan negara serta demi memupuk semangat patriotik.

"Kami teruja setiap kali sambutan kemerdekaan dan perkara ini sepatutnya turut ditunjukkan oleh generasi muda agar mereka lebih menghayati kemerdekaan negara," katanya yang memulakan perjalanan dari Parit 12 Barat, Sungai Besar pada 28 Ogos lalu.

Menurutnya, di sepanjang laluan, orang ramai mengangkat tangan sambil menunjukkan isyarat bagus, malah, sewaktu berhenti rehat, ada yang datang bertemu mengambil kesempatan berswafoto.

"Tidak ada kemeriahan di sepanjang laluan kami. Hanya rumah dan premis perniagaan dihiasi bendera kebangsaan. Tak nampak orang menghiasi bendera di kenderaan seperti sebelum ini," ujarnya.



ABDUL Rahman Abu Bakar dan Suria Sukirman berpakaian tema Jalur Gemilang di samping motosikal mereka yang dihiasi bendera kebangsaan ketika ditemui di Banda Hilir, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP



KERATAN AKHBAR
2 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Syukur gangguan bekalan air tak lama'
Muka Surat	:	24

'Syukur gangguan bekalan air tak lama'

Putrajaya: "Alhamdulillah lega gangguan bekalan air sekejap sahaja. Saya menjaga ibu bapa yang sudah tua jadi sangat terkesan jika tiada air," kata Shafwan Zaidon, 27.

Rumahnya di Desa Pinggiran Putra, di sini, antara 463 kawasan mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual di lima wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) iaitu Petaling sebanyak 172 kawasan, Hulu Langat (54 kawasan), Sepang (194 kawasan), Putrajaya (23 kawasan) dan Kuala Langat (20 kawasan) sejak kelmarin.

Shafwan yang juga kaki-tangan swasta berkata, dia mula sedar tiada air di rumahnya kelmarin apabila balik kerja jam 7 malam.

"Paip yang disalur terus

dari meter air sudah tidak mengeluarkan air.

"Namun air tangki masih ada. Lagipun kami sudah ubah suai tambahan satu tangki air lagi di atas binaan tandas sebab tahu Selangor selalu masalah air," katanya ditemui, semalam.

Beliau yang masih bujang menjaga ayahnya, Zaidon Ali Musa, 70, dan ibu, Rubiah Jaafar, 65.

Terdahulu, Air Selangor dalam satu kenyataan berkata, bekalan air bersih dan selamat sudah mula disalurkan secara berperingkat pagi semalam kepada pengguna di kesemua kawasan yang terjejas dengan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sg Semenyih) berikutan insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Datuk berdepan penjara 483 tahun
Muka Surat	:	3



ANTARA kenderaan mewah yang dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ketika serbuan pada April lalu.

Kartel bolot projek berdepan hukuman penjara 483 tahun

Datuk Adly dituduh tipu JKR

PERBUATAN seorang ahli perniagaan bergelar Datuk yang didakwa menipu Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan memalsukan 69 dokumen bagi membolot projek projek kerajaan itu ke kemaskini syaria dia dibayangkan ke Mahkamah Seye Shah Alam semalam.

Datuk Adly Kamarudin, 41 berdepan hukuman penjara sehingga 483 tahun selepas didakwa dengan 69 pertuduhan bagi memalsukan pejabat jenis projek pembinaan. Perbuatan itu dilakukan di sebuah banglo di Bandar Baru Bangi pada 2019 hingga tahun lalu.

-LAPORAN PENJUH DI MUKA 3



ADLY mengaku tidak berbalik atas 69 pertuduhan memalsukan dokumen bagi memalsukan pejabat projek pembinaan di Mahkamah Seye Shah Alam semalam.

Hadapi 69 tuduhan palsu dokumen projek-projek kerajaan pada 2019, 2020 Datuk berdepan penjara 483 tahun

Oleh MOHD. YUNUS YAKUB

SHAH ALAM - Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk yang ditahan bertubuh simbel kartel perniagaan projek-projek kerajaan berdepan hukuman penjara sehingga 483 tahun selepas didakwa di Mahkamah Seye Shah Alam semalam.

Terdahulu, Datuk Adly Kamarudin, 41 bagaimanapun mengaku tidak berbalik terhadap 69 pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Huzifah Salleh yang mengambil masa lebih satu jam.

Adly yang diwakili peguam Md. Yunus Ghaffar kelihatan tenang sepanjang prosedura tertuduh yang bermula pada pukul 10.30 pagi.

Mengikut kertas pertuduhan, Adly dituduh melakukan perubahan dengan mengatorkan lapan pekerjaannya untuk memalsukan 69 dokumen pelbagai projek bagi tujuan mematu Jabatan Kerja Raya (JKR).

Projek projek tersebut meliputi pembinaan kolej, jalan dan penjelajahan Rans di beberapa universiti awam serta bangunan hospital, rumah kakitangan JKR dan selain pemasangan mekanikal kerusi Angkutan Tersekat Malaysia di Kuala Lumpur, Selangor dan Bersebang, Pahang.

Kemudian kesahabtu itu didakwa dilakukan pada Jan 2019 hingga September 2020 di sebuah rumah banglo di Bandar Baru Bangi



ADA 69 dokumen didakwa atas pertuduhan memalsukan dokumen projek projek kerajaan di Mahkamah Seye Shah Alam semalam. (JULIA RAHIL/STH)

dokar anti.

Selain kesahabtu, tertuduh yang merupakan kontraktor kelas A G77 boleh dibukum penjara maksimum tujuh tahun dan denda di bawah Seksyen 488 Kanun Keseksaan, jika ia bersama Seksyen 399 karam sama bagi setiap pertuduhan tersebut.

Terdahulu, Tindakan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

Ahmad Akram Ghaffar memawakan jaminan RM500,000 berselepas Syarikat tambahan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran pada setiap bulan selain menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Md. Yunus menegaskan pihaknya tidak mempunyai bantahan kecuali serahan pasport kerana anak guanyanya tidak mempunyai risiko melarikan diri

dan mematu arahan SPRM setelah itu.

"Anak guam saya mempunyai urusan perniagaan di luar negara, iaitu, saya cuba untuk serahkan kepada aset seperti wang tunai, RM5 juta, kenderaan mewah, kapal layar dan helikopter persembahan.

Turut dia ada hartanah berupa banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM25 juta.



KERATAN Khasanah 6 April 2021.

Katanya, Mahkamah membenarkan jaminan yang dicadangkan serta syarat tambahan termasuk pemakluman secara e-mel kepada mahkamah dan pihak pendakwa dalam masa tujuh hari sebelum berdepan ke luar negara.

Wang Akram James perlu dibenarkan sebelum pukul 11 pagi dan setoran semula kes ditetapkan pada 3 November depan.

Kemudi pada 7 April lalu melaporkan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk harau mengambal tipu-tipu tahun untuk mengumpul kegunaan memenui pengagihannya sebagai kartel projek projek kerajaan bernilai RM5.8 bilion.

Kemudi yang ditindas sarak peribondar selepas SPRM menaruh lelaki itu pada 4 April lalu dan memarah serta menanya pelbagai aset seperti wang tunai, RM5 juta, kenderaan mewah, kapal layar dan helikopter persembahan.

Turut dia ada hartanah berupa banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM25 juta.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Penduduk sudah tadah air awal awal
Muka Surat	:	16

Operasi Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dijangka pulih sepenuhnya Jumaat ini

Penduduk sudah tadah air awal-awal

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPANG – Penduduk di daerah ini resah dan berdepan kesukaran dalam menjalani aktiviti harian berikutan bekalan air yang terputus sejak kelmarin.

Kejadian itu ekoran pencemaran bau di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir yang mengakibatkan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sg. Semenyih) terpaksa dihenti tugas.

Seorang penduduk dari Taman Saujana KLIA, Imran Dahrir, 40, berkata, sebaik sahaja mendapat maklumat tentang gangguan bekalan air itu, dia dan keluarga bersiap sedia membeli tiga kotak air mineral untuk bekalan.

"Kita tidak tahu gangguan bekalan air ini berlarutan sampai bila, jadi lebih baik saya mengambil langkah awal.

"Selain itu, air tadahan pun saya simpan juga guna empat baldi. Mudah-mudahan ia mencukupi untuk kami seisi keluarga sehingga bekalan air kembali ada seperti sedia kala," katanya.

Dia yang baru sahaja menduduki taman perumahan itu sejak awal tahun ini memberitahu, ia adalah kejadian pertama dihadapinya sejak berpindah ke taman perumahan berkenaan.

"Risau juga sebab tidak pernah mengalami gangguan air



SEORANG penduduk di Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan mengambil bekalan air yang disediakan lori Air Selangor semalam.

seperti ini. Bekalan air memang penting kerana jika tiada, memang menyukarkan kerana ia keperluan harian kita," katanya.

Dalam pada itu, di Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan pula, masalah gangguan air telah meresahkan penduduk di situ.

Seorang penduduk, Anthony Innasi, 64, dia mengharapkan bekalan air yang terputus kali ini tidak berlarutan lama seperti sebelum ini.


"Tangki di rumah saya masih

ada sedikit air, tapi berapa lama sahaja boleh bertahan.

"Di rumah saya, ada lima orang termasuk ibu yang sudah uzur yang memerlukan banyak air bagi menguruskannya.

"Kami sekeluarga sekadar 'mandi kerbau' bagi menjimatkan air dan elak air tangki cepat habis," ujarnya.

Sementara itu, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) menyatakan bekalan air pulih sepenuhnya pada Ju-



MOHD. RIDZUAN melihat warna air dari tangki yang semakin keruh di rumahnya di Taman Topaz, Sepang semalam.

maat ini.

"Bekalan air, di 463 kawasan itu akan diterima secara berperingkat-peringkat dan dijangka pulih sepenuhnya pada pukul 12 tengah malam 3 September ini (Jumaat).

"Pengguna boleh merujuk Ja-

dual Pelan Pemulihan terperinci di laman sesawang dan platform media rasmi Air Selangor," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, Air Selangor turut menjalankan ujian kualiti air yang mematuhi piawaian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Keputusan nyah warta HSKLU lalui proses teliti
Muka Surat	:	8

Jabatan Perhutanan Selangor jawab isu nyah warta hutan

CADANGAN penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) telah melalui proses yang begitu teliti oleh Jawatankuasa Penyasatan Awam selaras dengan Kaedah-Kaedah Penyasatan Awam (Selangor) 2014. Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor, Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid berkata, proses penyasatan awam telah berlangsung selama lebih setahun sejak keputusan berkenaan cadangan penyahwartaan HSKLU ini diterima pada November 2019.

Jabatan Perhutanan beri penjelasan terperinci berhubung keputusan kerajaan negeri

Oleh NORAFIZA JAAFAAR

SHAH ALAM

Cadangan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) telah melalui proses begitu teliti di bawah Jawatankuasa Penyasatan Awam selaras Kaedah-Kaedah Penyasatan Awam (Selangor) 2014. Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor, Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid berkata, proses penyasatan awam telah berlangsung selama lebih setahun sejak keputusan berkenaan cadangan penyahwartaan HSKLU diterima pada November 2019.

Menurutnya, kesemua bantahan yang diterima telah dikumpulkan dan diangkut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor untuk pertimbangan lanjut.

"Selain itu, hasil kajian pakar perunding yang dilantik kerajaan negeri iaitu LPM Consultancy & Services Sdn Bhd pada tahun 2020, turut digunakan dalam pertimbangan penyahwartaan HSKLU.

"Berdasarkan kajian perunding tersebut, didapati nilai biodiversiti HSKLU dan kawasan-kawasan gantian adalah hampir sama," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ahmad Fadzil berkata, melalui MMKN ke-17 pada 5 Mei 2021 yang disahkan MMKN ke-18 pada 19 Mei lalu, hanya seluas 536.70 hektar daripada keseluruhan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta di bawah Seksyen 11 dan 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

46 peratus masih kekal

Ahmad Fadzil berkata, berdasarkan keputusan MMKN yang sama, seluas 581.48 hektar telah diluluskan sebagai kawasan gantian Hutan Simpan Kekal (HSK) melibatkan PT4182 Sungai Panjang, Sabak Bernam seluas 308.62 hektar, Ampang Pechah, Hulu Selangor (208.98 hektar) dan Bukit Broga, Hulu Langat seluas (63.88 hektar).

Jelasnya, kerajaan negeri Selangor masih mengekalkan kira-kira 46 peratus daripada kawasan HSKLU sebagai HSK.

Keputusan nyah warta HSKLU lalui proses teliti



Keadaan HSKLU mengalami tekanan pembangunan antara faktor nyah warta diluluskan dan digantikan HSK baharu.



AHMAD FADZIL

"Kawasan gantian bagi HSKLU yang dinyahwarta itu terdiri hutan jenis paya gambut di Sungai Panjang yang sama jenis hutan dengan HSKLU.

"Manakala kawasan gantian di Ampang Pechah dan Bukit Broga terdiri daripada jenis hutan bukit.

"Kawasan gantian Ampang Pechah mempunyai kepentingan koridor rangkaian ekologi hidupan liar dikenali sebagai Central Forest Spine (CFS) sebagaimana ditetapkan di dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3.

"Sementara kawasan Bukit Broga mempunyai nilai-nilai ekopelancongan yang amat tinggi dan merupakan antara tarikan kawasan pendakian utama di Selangor," katanya.

Beliau menjelaskan, MMKN juga telah meluluskan sebahagian kawasan untuk penggantian baki Rizab Orang Asli Busut Baru iaitu seluas 42.1 hektar di bawah Seksyen 7, Akta Orang Asli 1954.

"Justeru, isu tuntutan perizaban kawasan Orang Asli Busut Baru seluas kira-kira 1,000 ekar (404.68 hektar) sebagai penggantian kawasan disebabkan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

(KLIA) sejak tahun 2006 telah dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata, HSKLU merupakan hutan yang terpisah (*isolated*) daripada kompleks hutan utama selain mengalami tekanan pembangunan tanah tepu bina di sekelilingnya seperti L e b u h a r a y a

Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Bandar Saujana Putra dan Gamuda Cove.

Ahmad Fadzil berkata, HSKLU juga telah diklasifikasi sebagai kawasan yang berisiko tinggi dan mudah untuk terbakar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor pada tahun 2016 dan mengalami kemerosotan (*degradation*) akibat beberapa kali terbakar pada tahun 2012, 2013, 2014, 2017 dan 2021.

"Kerajaan negeri Selangor telah mengenakan beberapa syarat kepada pemaju Gabungan Indah Sdn Bhd yang diluluskan pemberian milikan di kawasan nyah warta HSKLU pada tahun 2021.

"Antaranya adalah keperluan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA), Kajian Impak Sosial (SIA) dan lain-lain syarat yang berkaitan termasuklah pengkalan sebanyak 20 peratus daripada kawa-

san pembangunannya sebagai kawasan hijau serta keperluan translokasi spesies flora dan fauna yang berkepentingan," katanya.

Justeru, Ahmad Fadzil berkata, kerajaan negeri telah mengambil kira kesemua aspek (*due diligence*) dalam membuat keputusan yang terbaik berkaitan penyahwartaan HSKLU.

Akuinya, keputusan itu selaras dengan matlamat pembangunan negeri Selangor ke arah kestabilan sosioekonomi, dinamik, mampan dan lestari.

Beliau memaklumkan, cadangan penyahwarta HSKLU diterima pihaknya daripada Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat pada 14 November 2019 susulan satu keputusan pemberi milikan tanah melibatkan HSKLU seluas 991.90 hektar yang diperolehi melalui MMKN ke-30 bertarikh 16 Oktober 2019.

Berdasarkan Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 (Pindaan

2011), pihak berkuasa negeri (PBN) boleh nyah warta kawasan hutan simpan kekal sekiranya kawasan tersebut diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan masa kini dengan syarat melalui penyasatan awam (*public inquiry*) terlebih dahulu.

Berdasarkan Seksyen 12, Enakmen yang sama juga menyatakan keperluan untuk menggantikan kawasan HSK yang dinyahwarta dengan kawasan yang hampir sama atau lebih baik daripada segi ekologi dan keluas-



Laporan Sinar Harian pada Rabu.



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Kerajaan negeri tidak sensitif'
Muka Surat	:	9

'Kerajaan negeri tidak sensitif'

Kerajaan negeri Selangor patut pertahan status keseluruhan hutan simpan tersebut

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor menyifatkan kerajaan negeri tidak peka dan sensitif apabila meluluskan penyahwartaan 536.7 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketuannya, Datuk Rizam Ismail berkata, tindakan menyahwarta itu jelas menjejaskan kelestarian alam di kawasan terbabit.

Menurutnya, status keseluruhan hutan simpan itu sepatutnya dipertahankan meskipun kerajaan negeri memberi alasan hanya mahu mengambil sebahagian sahaja kawasan berkenaan.

"Langkah penyahwartaan ini sudah tentu mengecilkan saiz



Kawasan HSKKLU juga dipercayai menjadi tanah adat bagi masyarakat orang asli sejak lebih 120 tahun lalu.



RIZAM

hutan simpan ini walaupun kerajaan negeri meluluskan kawasan gantian melibatkan beberapa kawasan lain di negeri ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Rizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar berkata, kawasan hutan simpan itu perlu dipertahankan kerana ia berperanan dalam pemuliharaan flora dan fauna selain bertindak sebagai kawasan tadahan air.

Beliau berkata, HSKLU me-

rupakan hutan paya gambut yang mempunyai keunikan biodiversiti dan fungsi ekosistem yang penting untuk penduduk sekitar.

"Walaupun mungkin kerajaan negeri melihat ada keperluan ekonomi tetapi implikasi masa depan harus menjadi keutamaan kerana tidak mahu ekosistem sedia ada terganggu.

"Hutan tersebut adalah tanah adat bagi komuniti Temuan yang bergantung kepada hasil hutan sejak lebih 120 tahun.

"Kehilangan hutan tersebut juga tentunya menjejaskan penduduk di kampung berkenaan untuk hidup dalam persekitaran yang bersih dan selamat," jelasnya.



KERATAN AKHBAR		
2 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Perlembagaan Persekutuan boleh halang nyah warta
Muka Surat	:	9

Perlembagaan Persekutuan boleh halang nyah warta

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan boleh mempertimbang untuk menggunakan peruntukan Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan sebagai langkah akhir sekiranya Selangor tidak membatalkan langkah untuk menyahwartakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan berkata, peruntukan tersebut membolehkan langkah drastik dilakukan oleh kerajaan Persekutuan untuk mengambil hak milik kawasan yang telah dinyahwarta daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, tindakan itu boleh dilakukan sebelum kerajaan negeri melaksanakan pindah milik kawasan tersebut kepada mana-mana syarikat atau entiti.

“Saya sedar, cadangan ini ber-

sifat agresif dan sewajarnya menjadi langkah terakhir andai kata segala desakan masih gagal.

“Bukan menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan untuk memperbetul kegagalan dan kerakusan kerajaan negeri tetapi HSKLU merupakan aset amat berharga atas kedua-dua faktor iaitu warisan dan masa hadapan,” katanya di Facebooknya pada Selasa.

Pada Isnin, Exco Alam Sekitar dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian memaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor bersetuju menyahwartakan HSKLU bagi tujuan pembangunan.

Shahril berkata, keputusan



SHARIL

kerajaan negeri untuk menyahwartakan separuh daripada kawasan yang telah digazetkan sebelum ini adalah sesuatu yang tidak masuk akal

“HSKLU merupakan kawasan paya gambut, tanah adat orang asli sejak abad ke-19 hingga hari ini terdapat lebih

2,000 orang masyarakat mereka. Kawasan ini juga memiliki habitat spesies terancam yang berusia 8,000 tahun,” katanya.

Shahril berkata, kawasan paya gambut juga merupakan antara takungan semula jadi karbon dan pemusnahan HSKLU demi keuntungan serta pembangunan yang tidak diperlukan adalah satu langkah tidak masuk akal.



KERATAN AKHBAR 2 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	UMNO Selangor kecewa keputusan kerajaan negeri
Muka Surat	:	9

UMNO Selangor kecewa keputusan kerajaan negeri

SHAH ALAM - UMNO Selangor melahirkan rasa kecewa berikutan keputusan kerajaan Selangor meluluskan penyahwartaan 536.7 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Menerusi kenyataan dimuat naik di Facebook UMNO Selangor pada Selasa, tindakan kerajaan Selangor jelas membimbangkan rakyat di negeri ini.

"Banyak NGO (badan bukan kerajaan) turut membangkit (membantah nyah warta) perkara sama," kata kenyataan itu.

Kenyataan tersebut juga melibatkan beberapa bantahan disuarakan pimpinan UMNO.

